

Magis Arab



Harian metro 11/05/2010
MIS 19

Pukau, kebas duit pelancong tanpa sentuh tubuh

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin

anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Tidak ubah seperti persembahan 'magis' jualan apabila sepasang kekasih yang juga geng pukau Timur Tengah berupaya menghilangkan wang milik mangsa begitu saja tanpa perlu menyentuh tubuh mangsa hanya beberapa minit.

Penjenayah yang disifatkan mempunyai tangan 'ghaib' didakwa bergerak berpandangan dengan menjadikan pelancong asing sebagai sasaran utama melalui taktik kononnya teringin untuk melihat mata wang asing dari negara asal mangsa.

Kejadian itu menyebabkan mangsa berusia 52 tahun berasal dari India terpinga-pinga apabila penjenayah melarikan wang miliknya tanpa menyentuh tubuhnya.

Dalam kejadian jam 7 petang itu, mangsa sedang bersiar-siar bersama empat ahli

keluarganya di sebuah pusat beli-belah di Jalan Masjid India di sini.

Bagaimanapun, dua individu tidak dikenali tiba-tiba menegur mangsa mendakwa mereka juga pelancong asing berasal dari Dubai dan datang ke Malaysia untuk 'makan angin'.

Sumber polis berkata, suspek berpura-pura memberitahu ingin melihat mata wang rupee India yang didakwa tidak pernah dilihatnya sebelum ini.

"Mangsa yang langsung tidak mengesyaki apa-apa mengeluarkan wang tunai rupee India dari dalam poket seluarnya sebelum diserahkan kepada suspek.

"Suspek membelek helaian not wang kertas berkenaan selama beberapa saat sebelum menyerahkan semula kepada mangsa dan beredar daripada tempat kejadian," katanya.

Menurutnya, beberapa minit kemudian, mangsa memeriksa dompet duitnya sebelum mendapati wang miliknya berjumlah AS\$2,000

(RM6,400) lesep.

"Berikutan itu, mangsa mengesyaki dia diperdaya pasangan pelancong Timur Tengah berkenaan membuat laporan polis berhubung kejadian," katanya.

Jenayah seumpama itu bukan kali pertama berlaku berikutan seorang ejen pelancongan berusia 61 tahun turut dikatakan menjadi mangsa ketika bersiar-siar bersama rakannya di ruang legar, Bukit Bintang Plaza, di sini.

Dalam kejadian itu, mangsa yang juga pelancong wanita dari Azerbaijan dihampiri sepasang lelaki dan wanita Timur Tengah berpura-pura bertanya asal dan tujuan mangsa datang ke negara ini.

Difahamkan suspek meminta mangsa menunjukkan mata wang negara asal Azerbaijan dengan memberikan alasan tidak pernah melihat mata wang negara berkenaan.

Mangsa yang tidak mencurigai permintaan suspek mengeluarkan sekeping

wang Azerbaijan sebelum menyerahkannya kepada suspek.

Suspek berpura-pura membelek wang berkenaan sebelum memulangkannya kepada mangsa.

Pasangan itu beredar dari lokasi kejadian beberapa minit kemudian. Mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa pulang ke bilik hotel jam 10.30 malam dan memeriksa dompetnya.

Mangsa terkejut apabila mendapati wang tunai AS\$3,400 (RM11,900) hilang. Lebih aneh apabila rakan mangsa yang tidak menunjukkan dompet kepada suspek mengalami nasib sama apabila kehilangan wang tunai AS\$3,000 (RM10,500).

Kedua-dua mangsa membuat kesimpulan pasangan keturunan Timur Tengah yang ditemui bertanggungjawab melarikan wang berkenaan dengan cara yang sukar dikesan sebelum bertindak membuat laporan polis di balai polis Daerah Dang Wangi.